



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

DASHBOARD ORANG ASLI

Dashboard Orang Asli Memacu Pembangunan Masyarakat Orang Asli Berteraskan Statistik

PUTRAJAYA, 7 JULAI 2026 – Menjelang Hari Penduduk Sedunia pada 11 Julai 2026, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melancarkan Dashboard Orang Asli, sebuah platform visualisasi statistik rasmi yang dibangunkan hasil kerjasama strategik antara DOSM dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) berasaskan Laporan Khas Demografi Orang Asli. Dashboard ini menghimpunkan pelbagai indikator utama berkaitan masyarakat Orang Asli bagi menyokong perancangan pelaksanaan program pembangunan yang lebih inklusif.

Berdasarkan Laporan Khas Demografi Orang Asli, penduduk Orang Asli di Malaysia dianggarkan berjumlah 227,900 orang pada tahun 2025, meningkat daripada 213,461 orang pada tahun 2020 dengan kadar purata pertumbuhan tahunan 1.2 peratus. Pahang mencatatkan bilangan penduduk Orang Asli tertinggi iaitu 82,824 orang, diikuti Perak (58,942 orang) dan Selangor (21,312 orang).

Dashboard ini memaparkan statistik rasmi yang komprehensif meliputi profil demografi, isi rumah, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, tempat kediaman, akses kepada kemudahan asas serta indikator sosioekonomi lain yang berkaitan. Penyediaan maklumat ini bertujuan memperkukuh perancangan pembangunan yang lebih responsif terhadap keperluan masyarakat Orang Asli serta menyokong amalan membuat keputusan berasaskan bukti.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Dashboard Orang Asli menyediakan akses kepada statistik yang komprehensif dan mudah difahami bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang keadaan sosiodemografi masyarakat Orang Asli. Platform ini diharap dapat membantu kerajaan, penyelidik, institusi akademik dan pelbagai pihak berkepentingan merancang serta menilai inisiatif pembangunan yang lebih tepat, inklusif dan berimpak."

Beliau turut menegaskan bahawa pembangunan Dashboard Orang Asli mencerminkan komitmen DOSM untuk memperluas akses kepada statistik rasmi yang berkualiti, relevan dan tepat pada masanya. Selaras dengan prinsip *Leave No One Behind*, dashboard ini menjadi sumber rujukan penting dalam memastikan keperluan

masyarakat Orang Asli terus diberi perhatian dalam perancangan pembangunan negara.

Dashboard Orang Asli boleh diakses melalui <https://www.dosm.gov.my/portal-main/article/orang-asli-dashboard>

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM Geohub merupakan platform pemetaan digital bagi memudahkan akses kepada statistik rasmi negara yang diintegrasikan dengan maklumat geospasial dan boleh diakses melalui portal <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM turut membangunkan **Kalkulator Jangka Hayat** yang boleh diakses melalui laman web <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> serta dimuat turun sebagai aplikasi menerusi Google Play Store dan App Store.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 JULAI 2026